

PERBARISAN BULANAN PEGAWAI WARAN PANGKALAN PU GONG KEDAK

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3283-perbarisan-bulanan-pegawai-waran-pangkalan-pu-gong-kedak-2

GONG KEDAK, 4 Apr 18 - Perbarisan Bulanan Pegawai Waran Pangkalan telah diadakan di Padang Kawad Pangkalan Udara Gong Kedak yang dihadiri seramai 380 anggota Lain-lain Pangkat diketuai, PW U I Mohd Rizal bin Hamid.

Pegawai Waran Pangkalan, PW U I Mohd Hisham bin Sudin dalam ucapan beliau menegaskan agar anggota pangkalan mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh pucuk pimpinan TUDM dan Pangkalan.

Selain itu juga, beliau mengingatkan kepada anggota berkenaan Direktif No 5 dan 5A yang telah dikeluarkan berkenaan penyalahgunaan dadah berbahaya dan penyalahgunaan racun terkawal bahan psikotropik supaya anggota menjauhi segala gejala najis dadah kerana ianya boleh memberi kesan yang memudaratkan kepada diri dan perkhidmatan.

Dalam ucapan beliau juga menekankan terhadap Direktif No12 iaitu SNCO Empowerment di dalam TUDM dan Direktif No 15 iaitu Garis Panduan Kawalan Penggunaan Media Sosial.



